

SULIT



LEMBAGA PEPERIKSAAN  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

## SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2022

### BAHASA MELAYU

1103/1

Kertas 1

September

2 jam

---

---

#### JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B.*
2. *Jawapan hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan.*
3. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*
4. **Buku jawapan** hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.

SPM 2022 (SEPTEMBER)

---

Kertas peperiksaan ini mengandungi 4 halaman bercetak dan 4 halaman tidak bercetak.  
(Nota penerbit: Bilangan halaman dalam buku ini telah diubah suai.)

**Bahagian A**

[30 markah]

*Soalan ini mesti dijawab.*

Grafik di bawah menunjukkan maklumat berkaitan obesiti.

Berdasarkan maklumat tersebut, huraikan pendapat anda tentang **obesiti** dalam kalangan masyarakat di Malaysia.

Panjangnya huraian anda hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.



**Bahagian B**

[70 markah]

*Bahagian ini mengandungi empat soalan. Jawab satu soalan*

*Tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 350 hingga 500 patah perkataan.*

1

KUALA LUMPUR: Lagu rakyat kini dikatakan kian pupus ditelan zaman. Ratu Etnik Kreatif, Noraniza Idris mengatakan bahawa ini bukan masa yang sesuai untuk menuding jari mencari kesalahan, sebaliknya semua pihak perlu memainkan peranan untuk mempopularkannya semula.

Sumber: [www.utusan.com.my](http://www.utusan.com.my)

Jelaskan peranan-peranan tersebut.

2

Di Malaysia industri pelancongan tidak dianggap sebagai aktiviti ekonomi yang utama sehingga tahun 1970 kerana pada masa itu sumbangan komoditi utama seperti getah dan bijih timah adalah jauh lebih penting. Namun, selepas itu kerajaan Malaysia mula membangunkan industri pelancongan kerana mendatangkan beberapa manfaat seperti meningkatkan peluang pekerjaan, menggalakkan pembangunan kawasan dan menambahkan pendapatan negara.

Sumber: [vanan143467.blogspot.com](http://vanan143467.blogspot.com)

Petikan di atas menjelaskan manfaat-manfaat industri pelancongan kepada negara kita.

Huraikan manfaat-manfaat tersebut.

3

Kesedaran generasi kini terhadap kepentingan sejarah boleh disifatkan sekadar bermusim kerana kebiasaannya ramai akan mula mengambil kisah mengenainya hanya menjelang tarikh penting tertentu seperti Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia. Apabila berlalu sambutan itu, minat mereka dalam bidang ini kembali hambar, malah kadang kala tidak peduli apa-apa yang berlaku di sekeliling setiap hari dan kaitannya dengan sejarah. Kesannya, generasi muda yang diharapkan menjadi pewaris masa depan dikatakan mempunyai pengetahuan yang amat cetek tentang negara sendiri, lantaran kurang minat untuk menghayati sejarah tanah air. Perkara inilah yang menjadi kebimbangan kepada sejarawan yang juga ahli akademik, Profesor Emeritus Tan Sri Dato' Dr. Khoo Kay Kim.

Sumber: [www.bharian.com.my](http://www.bharian.com.my)

Berdasarkan petikan di atas, jelas menunjukkan bahawa terdapat perkara yang menjadi kebimbangan kepada Profesor Emeritus Tan Sri Dato' Dr. Khoo Kay Kim.

Huraikan cara-cara untuk mengatasi perkara yang menjadi kebimbangan kepada sejarawan tersebut.

4

Makanan sejuk beku seperti bebola ikan, daging burger dan roti canai merupakan produk yang diperlukan oleh pengguna sepanjang masa. Oleh hal yang demikian, perniagaan makanan sejuk beku mempunyai potensi yang cukup baik untuk berkembang pada masa hadapan bersesuaian dengan trend kehidupan masyarakat sekarang ini.

Sumber: [ainisfrozenfood.blogspot.com](http://ainisfrozenfood.blogspot.com)

Berdasarkan petikan di atas, bincangkan usaha-usaha yang boleh dilakukan untuk mengembangkan perniagaan tersebut.

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**

SULIT



LEMBAGA PEPERIKSAAN  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

## SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2022

### BAHASA MELAYU

1103/2

Kertas 2

September

2 jam 30 minit

---

---

#### JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi tiga bahagian: Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*
5. **Buku jawapan** *hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.*

SPM 2022 (SEPTEMBER)

---

Kertas peperiksaan ini mengandungi 11 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak.  
(Nota penerbit: Bilangan halaman dalam buku ini telah diubah suai.)

## BAHAGIAN A: SISTEM DAN APLIKASI BAHASA

[35 markah]

- 1 *Baca petikan di bawah dengan teliti. Berdasarkan perkataan yang bergaris anda dikehendaki untuk menambahkan **satu imbuhan apitan**. Kemudian bina **satu ayat anda sendiri** daripada setiap perkataan yang **berimbuhan apitan** tersebut untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

Pengalaman baharu dalam proses pengajaran dan pembelajaran secara maya tidak terlepas daripada pelbagai cabaran. Bagi tenaga pengajar, situasi yang dihadapi telah memaksa mereka keluar meninggalkan zon selesa. Mereka tidak lagi hanya boleh bergantung pada buku dan nota, malah mereka perlu berlumba-lumba dengan pelajar untuk memastikan maklumat mereka terkini dan lebih berinformasi.

Dipetik dan diubah suai daripada  
'Horizon Baharu Pembelajaran Pasca Covid-19'  
oleh Abdul Razak Mohd Kassim,  
*Dewan Bahasa*, Bil. 7/2020

[8 markah]

- 2 *Baca petikan di bawah dengan teliti. Tukarkan **ayat aktif** yang bergaris kepada **ayat pasif** tanpa mengubah maksud asalnya.*

Sarapan ialah makanan yang diambil pada waktu pagi secara sederhana sebelum memulakan sebarang aktiviti harian. Namun begitu, segelintir rakyat Malaysia tidak gemar mengambil sarapan. Situasi ini terjadi kerana pengambilan sarapan tidak menjadi amalan keluarga. Seseorang yang mengambil sarapan dapat mengekalkan kesihatan diri. Dengan bersarapan kita dapat melakukan pelbagai aktiviti harian secara cekap dan efisien. Oleh itu, anda perlulah mengambil sarapan kerana nutrien yang secukupnya sangat perlu kepada tubuh badan.

Dipetik dan diubah suai daripada  
'Faedah Mengambil Sarapan Pagi'  
oleh Nisha a/p Haridas,  
*Dewan Siswa*, Bil. 3/2018

[6 markah]

- 3 Wawancara di bawah mengandungi **sebelas kesalahan bahasa**. Kenal pasti, senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan tersebut. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada jumlah kesalahan yang terdapat dalam wawancara. Anda tidak perlu menyalin wawancara tersebut.

NAJWA: Selamat datang saya ucapkan kepada saudari Alisa. Terima kasih kerana menghabiskan masa saudari untuk diwawancara sempena kejayaan saudari memperoleh kecemerlangan sehingga berjaya menjadi tokoh murid. Terlebih dahulu saya ingin mengetahui apakah rahsia kejayaan saudari?

ALISA: Terima kasih kepada saudari kerana sudi mewawancara saya. Sebenarnya tiada rahsia melainkan usaha yang kuat dalam mencapai cita-cita. Semuanya bergantung kepada dua prinsip sahaja iaitu disiplin dan usaha.

NAJWA: Memandangkan banyak pengetahuan dan pengalaman yang sudah saudari timba di sekolah ini, bolehkah saudari berikan serba sedikit nasihat yang perlu diteladani oleh semua murid di sini?

ALISA: Untuk menjadi tokoh murid, seseorang itu seharusnya melakukan semua perkara yang baik dan hindar segala yang buruk. Tidak ketinggalan pula, sokongan dan kata semangat-kata semangat daripada semua golongan amat diperlukan. Kita harus saling nasihat-menasihati agar dapat mendorong kita untuk terus berusaha tanpa putus asa. Antara tip-tip belajar yang boleh saya kongsi bersama-sama ialah saya menumpukan perhatian sepenuhnya semasa guru mengajar dihadapan. Sekiranya ada kemushkilan jangan malu bertanya kerana 'orang yang malu bertanya akan sesat jalan'.

Dipetik dan diubah suai daripada  
'Format Karangan Wawancara'  
<https://www.scribd.com>

[11 markah]

- 4 *Baca petikan bahasa Melayu klasik di bawah dengan teliti. Kemudian tulis semula petikan tersebut dalam **bahasa Melayu standard** tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.*

Hatta, maka baginda fikir berbicara hendak memuafatkan Seri Nara Diraja dengan Paduka Raja. Maka baginda pun menyuruh memanggil Seri Nara Diraja; maka dia pun hadirilah. Maka titah Sultan Muzaffar Syah, “Mahukah Seri Nara Diraja beristeri?”

Maka sembahnya, “Jikalau ada kurnia Duli Yang Dipertuan, baiklah, tuanku.”

Maka titah baginda, “Mahukah Seri Nara Diraja akan Tun Bulan, anak Orang Kaya Hitam?”

Dipetik daripada ‘Burung Terbang Dipipiskan Lada’  
dalam antologi *Sejadah Rindu*,  
Kementerian Pendidikan Malaysia

[6 markah]

- 5 *Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian nyatakan **dua** peribahasa yang sesuai dengan situasi dalam petikan tersebut.*

Dalam keghairahan masyarakat menggunakan media sosial sebagai keperluan hidup, terdapat segelintir pengguna yang menyalahgunakan media sosial untuk kepentingan diri sendiri. Perbuatan negatif ini sememangnya menjejaskan maruah diri mereka. Oleh hal yang demikian, pendedahan awal daripada ibu bapa kepada generasi masa kini perlu dititikberatkan bagi mengelakkan penyalahgunaan media sosial untuk berkomunikasi.

[4 markah]

**BAHAGIAN B : PEMAHAMAN**

[35 markah]

- 6 Baca **Bahan 1** dan **Bahan 2** yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

**Bahan 1**

Pembudayaan tabiat membaca dalam kehidupan seseorang bagi melahirkan masyarakat yang berilmu dan bermaklumat, bukan tugas yang mudah. Dalam *memupuk tabiat* suka membaca anak-anak, ibu bapa merupakan insan yang memainkan peranan penting. Ibu bapa mesti menjadi suri teladan dalam membudayakan amalan ini. Selain itu, ibu bapa perlu membelikan buku untuk anak-anak atau membawa anak-anak ke perpustakaan. Oleh hal yang demikian, budaya membaca sememangnya memainkan peranan yang penting dalam memajukan pemikiran masyarakat dan pembangunan negara.

Dipetik dan diubah suai daripada  
'Pembinaan Tamadun Bangsa Melalui Budaya Membaca'  
oleh Muhammad Helmi Ibrahim,  
*Dewan Siswa*, Bil. 12/2018

**Bahan 2**

Purata membaca golongan remaja pada peringkat persekolahan merosot daripada 12 buah buku kepada lapan buah buku setahun setelah menamatkan pengajian. Keadaan ini sudah semestinya agak membimbangkan. Dalam hal yang demikian, pihak swasta mengambil inisiatif dengan memperkenalkan potongan harga sebanyak 50 peratus kepada pembeli yang berstatus murid atau mahasiswa untuk membeli buku. Pameran buku dan Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur pula diadakan oleh syarikat-syarikat penerbitan pada setiap tahun. Pihak kerajaan turut menganjurkan pelbagai kempen membaca. Komitmen semua pihak tersebut sedikit sebanyak membantu untuk memupuk minat membaca dalam kalangan masyarakat dan merancakkan industri buku di Malaysia.

Dipetik dan diubah suai daripada  
'Budaya Membaca Remaja'  
oleh Sham. A Kadir,  
*Dewan Siswa*, Bil. 4/2020

- (i) Berdasarkan **Bahan 1**, berikan maksud rangkai kata *memupuk tabiat*. [2 markah]
- (ii) Berdasarkan **Bahan 1** dan **Bahan 2**, nyatakan langkah-langkah untuk memupuk amalan membaca. [3 markah]
- (iii) Slogan 'Membaca Jambatan Ilmu' merujuk kepada kepentingan membaca.  
Pada pendapat anda, apakah kepentingan-kepentingan membaca? [3 markah]
- (iv) Sejak akhir-akhir ini, minat murid-murid mengunjungi pusat sumber di sekolah anda untuk membaca dan mencari bahan-bahan rujukan semakin berkurangan.  
Sebagai guru pusat sumber, apakah peranan-peranan anda untuk menarik minat murid-murid supaya mengunjungi pusat sumber? [4 markah]

- 7 Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

**Bahan 1**

“Nak bagi hadiah apa dekat guru kelas, Cikgu Zuraini?” Mak Wan Sakinah mengorek lamunan cucunya. Mungkin Dalila ingin memperkatakan tentang hadiah.

“La nak bagi hadiah kat Cikgu Zuraini. Dia baik dan sentiasa ambil berat. Menjadi pakar rujuk dan tempat berkongsi masalah.” Dalila meluahkan rasa bersama hujan hati yang selalu bercerita lewat nada rintiknya.

Terbayang Cikgu Zuraini tempatnya menggantung harapan dan cita-cita sejak arwah mak dan ayahnya pergi. Cikgu itu seperti bait syair rindunya. Berharap kelak tetap jatuh menitis di hati. Jadilah orang yang bahagia dan membahagiakan.

Mak Wan Sakinah tersenyum lagi. Cucunya itu seorang yang petah. Beruntung dia mendapat cucu sedemikian.

Dipetik daripada cerpen ‘Sekotak tisu hadiah hari guru’  
oleh Pendidik MY,  
*Majalah Pendidik*, Julai 2018

**Bahan 2****Gurindam 12 Fasal yang Keenam**

Cahari olehmu akan sahabat,  
Yang boleh dijadikan ubat.

*Cahari olehmu akan guru,  
Yang boleh tahukan tiap seteru.*

Cahari olehmu akan isteri,  
Yang boleh menyerahkan diri.

Cahari olehmu akan kawan,  
Pilih segala orang setiawan.

**Abu Hassan Sham (Penyelenggara)**

Puisi-puisi Raja Ali Haji, 1993  
dalam antologi *Harga Remaja*,  
Dewan Bahasa dan Pustaka

## Bahan 3

## Guruku

Kau mengajarku berbagai ilmu  
Kau memberiku nasihat setiap waktu  
Guruku kau ibarat ayah bondaku  
Guruku kau jangan lelah mendidikku  
Ajarku tentang rasulku  
Ajarku tentang perilaku  
Guruku jasmu akan kuingat selalu  
Terima kasih guruku

Karya: Abd Aziz A.  
<https://www.sistemguruonline.my>

- (i) Berdasarkan **Bahan 2**, berikan maksud rangkap **kedua** gurindam.

*Cahari olehmu akan guru,  
Yang boleh tahukan tiap seteru.*

[2 markah]

- (ii) Berdasarkan **Bahan 1** dan **Bahan 3**, nyatakan jasa-jasa seorang guru.

[3 markah]

- (iii) Pihak sekolah memberikan sumbangan yang tidak ternilai untuk melahirkan insan yang berjaya pada masa hadapan.

Pada pendapat anda, apakah tindakan-tindakan yang boleh diambil oleh murid untuk membalas jasa pihak sekolah?

[4 markah]

- (iv) Ibu bapa sahabat anda menghadapi masalah kewangan untuk menanggung persekolahan anak-anaknya akibat daripada ayahnya yang diberhentikan kerja dan ibunya pula seorang suri rumah. Sahabat anda meluahkan hasratnya untuk berhenti sekolah bagi meringankan beban keluarga.

Sebagai sahabat yang prihatin, bagaimanakah anda dapat membantu sahabat anda supaya dia dapat meneruskan persekolahannya?

[4 markah]

8 Jawapan bagi soalan berikut hendaklah berdasarkan teks novel Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.

- (i) Baca petikan novel di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

“Kita mempunyai satu pakej lengkap,” teruja Waheeda semasa menyarankan ayahnya menjadi pemandu pelancong, ibunya sebagai pengurus dapur, emak saudaranya sebagai ketua tukang masak dan yang lain di belakang tabir, selain Fatimah yang menjadi akauntan bagi menjaga kewangan syarikat Tajau Emas. Itu tiga tahun lepas, sebaik-baik dia membuat pinjaman daripada tabung usahawan siswazah daripada Bank Pembangunan melalui Program Kemajuan Luar Bandar Sarawak. Sehingga kini, pengunjung tidak pernah lekang dan rezeki nampaknya semakin melimpah. ‘Kita tidak akan menemukan sesuatu tanpa mencari sesuatu,’ fikir Waheeda meyakinkan dirinya tentang usaha yang sedang dilakukan dalam memanfaatkan kebolehpayaan diri. Waheeda yakin.

Dipetik daripada novel *Tirani*  
oleh Beb Sabariah,  
Kementerian Pendidikan Malaysia

Nyatakan pembahagian tugas dalam syarikat Tajau Emas yang disarankan oleh Waheeda.

[4 markah]

- (ii) Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (a) Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip Talib
- (b) Di Sebalik Dinara karya Dayang Nor
- (c) Jendela Menghadap Jalan karya Ruhaini Matdarin
- (d) Pantai Kasih karya Azmah Nordin
- (e) Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip
- (f) Tirani karya Beb Sabariah
- (g) Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop
- (h) Silir Daksina karya Nizar Parman

Berdasarkan sebuah novel yang anda kaji, jelaskan **dua** peristiwa yang dapat menimbulkan keinsafan kepada pembaca.

[6 markah]

## BAHAGIAN C : RUMUSAN

[30 markah]

- 9 *Baca dan teliti setiap bahan yang diberikan, kemudian buat satu rumusan yang panjangnya tidak melebihi 120 patah perkataan. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.*

**Bahan 1**

Stres atau tekanan merupakan tindak balas fizikal, emosi dan mental yang dialami oleh seseorang apabila tuntutan tidak dapat dipenuhi. Seseorang yang menghadapi stres, akan kurang minat terhadap aktiviti harian. Dalam sesetengah keadaan, seseorang itu akan mengalami penurunan kekuatan mental semasa menghadapi perasaan kebingungan. Sebenarnya ada pelbagai tindakan yang boleh kita lakukan dalam menghadapi stres. Stres boleh dikawal secara sendiri, melalui bantuan ahli keluarga atau rakan-rakan. Seseorang individu juga seharusnya menerima kenyataan bahawa dia sedang mengalami stres. Dalam hal ini, bawalah bertenang semasa menghadapi tekanan tersebut dan reda dengan kenyataan yang dihadapi.

Selain itu, seseorang itu perlu mengenal pasti punca dan tanda-tanda yang menyebabkan stres. Salah satu gejala seseorang menghadapi stres ialah kurang tumpuan dan fokus dalam pekerjaan. Tindakan lain yang boleh dilakukan adalah dengan mempelajari kaedah pengurusan stres yang berkesan. Dalam hal ini, seseorang itu boleh mencari maklumat berkaitan pengurusan stres melalui media sosial. Sekiranya tiada perubahan dalam masalah stres yang anda hadapi selepas tiga minggu anda amalkan teknik dan pengurusan stres yang disarankan ini, berjumpalah dengan pakar untuk mendapatkan bantuan profesional.

Dipetik dan diubah suai daripada  
'Pengurusan Stres'  
oleh Dr. Mohd Nasir bin Abd Kadir,  
<http://www.myhealth.gov.my>

**Bahan 2**

Tekanan mental atau fizikal menyebabkan kemurungan. Banyak orang memperkatakan isu ini sama ada dalam media sosial ataupun perbualan sehari-hari. Kesan utama penyakit ini ialah perasaan sedih yang berpanjangan. Kemurungan yang didiagnosis secara klinikal bukan perasaan sedih yang biasa sehingga menjejaskan fungsi harian seseorang individu seperti sukar memberikan tumpuan terhadap tugas, keluarga dan aktiviti kemasyarakatan. Selain itu, berat badan merosot dalam waktu yang singkat kerana perubahan selera makan. Hal ini menjadi bertambah kritikal sekiranya penghidap kemurungan mengalami kesukaran untuk tidur lantaran memikirkan pelbagai masalah sedangkan seseorang itu memerlukan enam hingga lapan jam tidur sehari.

Dipetik dan diubah suai daripada  
'Kemurungan Pembunuh Senyap'  
oleh Mohd Akif Farhan Ahmad Basri,  
*Dewan Kosmik*, Bil. 10/2020

Bahan 3



**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**